

## **PERSEPSI DAN MINAT PELAJAR TAHFIZ BESTARI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

**Nur Afifah Fadzil**

Kolej Universiti Islam Melaka

*nurafifahfadzil@kuim.edu.my*

**Ahmad Nurilakmal Norbit**

Kolej Universiti Islam Melaka

**Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi**

Kolej Universiti Islam Melaka

**Nuraznan Jaafar**

Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Persepsi dan minat pelajar merupakan aspek yang mampu memberikan kesan kepada sesuatu pembelajaran. Persepsi yang positif dan baik memberikan gambaran yang baik dan mampu meningkatkan minat terhadap sesuatu perkara yang dilakukan. Apabila tahap minat meningkat, individu tersebut akan melakukan sesuatu perkara dengan lebih bersungguh-sungguh. Justeru, dalam pembelajaran bahasa Arab, persepsi dan minat memainkan peranan dalam menentukan keberkesanan pembelajaran. Kajian ini melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari, Kolej Universiti Islam Melaka. Program ini merupakan program persediaan yang dikelolakan oleh Pusat Islam as-Syafie Kolej Universiti Islam Melaka. Tempoh program ini adalah selama sepuluh bulan sebagai persediaan para pelajar menduduki tujuh subjek untuk Sijil Pelajaran Malaysia termasuklah bahasa Arab disamping menghabiskan hafalan al-Quran. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap minat pelajar Tahfiz Bestari terhadap pembelajaran bahasa Arab serta hubungan antara persepsi setelah mempelajari bahasa Arab dengan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Ia juga bertujuan menganalisis dan memaparkan pengaruh persepsi setelah mempelajari bahasa Arab terhadap minat pelajar dalam bahasa Arab. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dalam memperoleh data. Soal selidik lima mata digunakan bagi mendapatkan data. Terdapat hubungan yang signifikan positif antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab yang disokong dengan kolerasi koefisyen ( $r = 0.673$ ,  $p < 0.01$ ). Hubungan antara boleh ubah ini adalah positif dan menunjukkan semakin baik persepsi pelajar, semakin tinggi minat mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Pengaruh persepsi terhadap minat menunjukkan bahawa 45.3% ( $R^2 = 0.453$ ) faktor persepsi mempengaruhi minat terhadap bahasa Arab dan F-statistik ( $F = 65.483$ ) sangat besar dan nilai p yang signifikan (0.000) atau lebih kecil daripada nilai alpha 0.01. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, ia

menunjukkan persepsi mempunyai pengaruh yang besar dalam meningkatkan minat seseorang.

**Kata kunci:** Tahfiz Bestari, Persepsi, Minat

## ***PERCEPTION AND INTEREST OF TAHFIZ BESTARI STUDENTS ON ARABIC LEARNING***

### **ABSTRACT**

*Students' perceptions and interests are aspects that can affect a learning. A positive and good perception gives a good impression and is able to increase interest in something done. As the level of interest increases, the individual will do things more diligently. Thus, in learning Arabic, perception and interest play a role in determining the effectiveness of learning. This study involved 81 students of Tahfiz Bestari, Malacca Islamic University College. This program is a preparatory program organized by the Islamic Center as-Syafie Kolej Universiti Islam Melaka. The duration of this program is for ten months as a preparation for students to sit for seven subjects for Sijil Pelajaran Malaysia including Arabic as well as memorizing the Quran. This study aims to identify the level of interest of Tahfiz Bestari students towards learning Arabic as well as the relationship between perceptions after learning Arabic with students' interest in learning Arabic. It also aims to analyze and display the influence of perception after learning Arabic on students' interest in Arabic. The design of the survey study was used in obtaining the data. A five-point questionnaire was used to obtain data. There was a significant positive relationship between perception and interest in learning Arabic supported by coefficient correlation ( $r = 0.673$ ,  $p < 0.01$ ). The relationship between these variables is positive and shows that the better the students' perception, the higher their interest in learning Arabic. The influence of perception on interest showed that 45.3% ( $R^2 = 0.453$ ) perception factor influencing interest in Arabic and F-statistics ( $F = 65.483$ ) was very large and significant p value (0.000) or smaller than alpha value 0.01. Based on the findings obtained, it shows that perception has a great influence in increasing one's interest.*

**Keywords:** Tahfiz Bestari, Perception, Interest

### **PENDAHULUAN**

Pendidikan bahasa Arab di Malaysia semakin berkembang luas dan turut mendapat pengiktirafan oleh kerajaan dengan menawarkan mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), sekolah berasrama penuh dan sekolah Kelas Aliran Agama. Pada mulanya bahasa Arab hanya diajar di pondok-pondok dan sistem sekolah aliran agama. Kini bahasa Arab turut

ditawarkan dan diajar di peringkat sekolah rendah dan dijadikan bahasa pilihan pada peringkat menengah di beberapa aliran dan pengajian tinggi. Begitu juga dengan pendidikan tahlif, terdapat sebilangan pusat tahlif yang menggabungkan subjek bahasa Arab dengan tahlif al-Quran sebagai satu kurikulum seperti Darul Quran dan Maahad Tahlif Quran Negeri. Ia menunjukkan bahawa aliran tahlif semakin menyedari kepentingan mempelajari dan menguasai bahasa Arab di samping menghabiskan hafalan al-Quran.

Pengajian tahlif telah bermula sejak zaman pra-kolonial dan mula diinstitusikan selepas Malaysia yang pada ketika itu dikenali dengan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (Solahuddin, 2016). Pada mulanya ia merupakan sistem pendidikan tidak formal. Penambahbaikan pengajian tahlif secara formal, tersusun dan sistematik ini bermula selepas al-Marhum Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan agar institusi ini diperkasakan. Saranan ini tercetus dari penganjuran Ujian Tilawah al-Quran Kebangsaan pada tahun 1960M (Noor Hisham *et al.*; ; Muriyah *et al.*, 2015).

Pendidikan tahlif negara menjadikan empat modul kurikulum sebagai landasan, iaitu Tahlif Turath, Tahlif Sains, Tahlif Dini dan Tahlif Kemahiran. Modul ini dirangka oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ia bertujuan bagi memastikan kelangsungan institusi tahlif ini pada masa hadapan. Perkara paling asas bagi merealisasikan hasrat ini adalah bagi memastikan semua pelajar aliran tahlif mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini sedemikian kerana, sijil ini amat penting untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi kerana ia merupakan prasyarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia untuk menyambung pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.

Bagi menyuhat hasrat kerajaan, Kerajaan Negeri Melaka melalui Pusat Islam As-Syafie KUIM telah mewujudkan program Tahlif Bestari (TB). Program ini dibina bagi membuka peluang kepada pelajar dari institusi tahlif sama ada dari madrasah swasta, sekolah pondok atau institusi yang lain untuk mengikuti kursus intensif selama sepuluh bulan seterusnya berpeluang menduduki SPM. Antara objektif utama program Tahlif Bestari ini adalah seperti berikut:

1. Memberi peluang yang lebih jelas dan terjamin kepada pelajar untuk menyambung pengajian dan tamat dengan memperolehi pendidikan akademik atau kemahiran.
2. Menyediakan program pengajian pelbagai bidang yang berkualiti dan inovatif kepada pelajar.
3. Mewujudkan dan meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja pelajar melalui jaringan pengajian tinggi dan industri yang berdaya saing.

(<http://www.kuim.edu.my/pusatislam/index.php/ketua-pusat-islam-as-syafie-kuim/19-program-tahlif-bestari-persediaan-spm>)

Tempoh pengajian untuk program ini ialah selama sepuluh bulan dan pelajar akan menduduki peperiksaan SPM sejurus selepas tempoh tersebut di samping perlu menghabiskan hafalan al-Quran. Oleh itu, persediaan yang rapi

perlu dilakukan oleh pengajar dan pelajar dalam menghadapi keseluruhan kurikulum subjek peperiksaan tersebut.

Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang akan diduduki oleh para pelajar TB. Ada dalam kalangan pelajar ini tidak pernah mempelajari bahasa Arab mengikut kurikulum SPM. Oleh itu, semestinya para pelajar mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap bahasa Arab. Tempoh persediaan pengajian yang pendek berbanding dengan pelajar aliran lain membawa kepada beberapa natijah seperti pencapaian pelajar tafhiz yang sangat rendah dalam subjek bahasa Arab (Nuraznan Jaafar *et al.*, 2019). Justeru, kajian yang merungkai persepsi dan minat pelajar tafhiz seharusnya digiatkan agar pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tafhiz dapat ditambahbaik.

Setiap individu yang tidak pernah mempelajari dan tidak mempunyai asas bahasa Arab pasti mempunyai persepsi dan tanggapan tersendiri terhadap bahasa Arab begitu juga para pelajar TB. Oleh itu, persepsi dan minat mereka dalam bahasa Arab seharusnya dikenal pasti oleh pengajar sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Ia penting agar pengajar boleh memilih strategi dan pendekatan yang sesuai dengan para pelajar. Justeru, tahap minat pelajar TB terhadap pembelajaran bahasa Arab serta hubungan antara persepsi setelah mempelajari bahasa Arab dengan minat pelajar terhadap bahasa Arab perlu dikenal pasti. Selain itu, tahap pengaruh persepsi setelah mempelajari bahasa Arab terhadap minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab juga perlu diteliti bagi menentukan tahap persepsi yang mempengaruhi minat pelajar.

Dapatkan ini mampu memberi gambaran awal persepsi pelajar tafhiz serta minat mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Walaupun pelbagai kajian dijalankan terhadap pelajar dan pembelajaran institusi tafhiz, namun ia tertumpu kepada hafalan, qiraat, kaedah pembelajaran, pencapaian hafalan dan seumpamanya. Kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab khususnya terhadap golongan tafhiz adalah kurang dijalankan (Ku Fatahiyah *et al.*, 2019).

## SOROTAN LITERATUR

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tidak asing lagi di Malaysia dan ia semakin berkembang mengikut peredaran dan kehendak semasa. Kerajaan turut memberikan perhatian kepada pendidikan Islam dan bahasa Arab dalam usaha mentransformasikan bidang pendidikan di Malaysia. Terdapat pelbagai tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab antaranya komunikasi, tatabahasa, terjemahan dan pemahaman al-Quran. Antara faktor yang dikaitkan dengan pencapaian pelajar ialah minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran, motivasi dan strategi pembelajaran. Guru turut memberi kesan terhadap keberkesanannya pembelajaran.

Persepsi dan minat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amat penting dititik beratkan bagi memastikan proses tersebut mencapai objektif dan keberkesanannya. Persepsi ialah gambaran atau bayangan tentang sesuatu perkara sama ada di dalam hati atau fikiran. Ia juga boleh didefinisikan sebagai tanggapan atau pandangan menerusi pancaindera (Kamus Dewan 2016). Manakala minat merupakan satu faktor yang mampu menentukan sesuatu proses

pengajaran dan pembelajaran itu berjaya atau tidak. Ia merupakan suatu perkara penting yang menjadi pendorong kepada murid untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran (Noor Elma et al. 2014). Perkara ini disokong oleh Ismail (1992) dengan menyatakan minat mampu mendorong seseorang murid untuk meneroka dengan lebih jauh. Para pelajar yang mempunyai minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara pasti akan melakukannya bersungguh-sungguh. Minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang supaya memberi perhatian kepada seseorang, sesuatu kegiatan atau benda (Atan 1988). Dalam pembelajaran bahasa Arab, faktor minat boleh mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh dan mencuba sedaya upaya untuk menggunakan pengetahuan yang sedia ada. Ia merupakan suatu kecenderungan yang menyebabkan seseorang berusaha untuk mencari sesuatu. Minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara membolehkan seseorang itu lebih bersedia untuk belajar dengan tekun (Muhammad Atan, 2003).

Nasywa dan Norasyikin (2019) memberikan fokus kepada pandangan dan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab serta motivasi yang mempengaruhi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Hubungan yang kuat antara bahasa Arab dengan agama Islam merupakan aspek yang disedari oleh kebanyakan pelajar. Walaupun para pelajar seronok mempelajari bahasa Arab namun minat yang mendalam perlu dipupuk. Minat yang mendalam akan menjadikan individu bersungguh-sungguh untuk mempelajari dan menguasai sesuatu perkara. Sikap dan minat adalah dua aspek berbeza. Namun demikian, tidak dinafikan wujudnya hubungan di antara kedua-dua aspek ini dalam memberikan penilaian kecemerlangan pelajar. Perubahan sikap, pembentukan persepsi serta penghayatan terhadap pelajaran dapat dipupuk menerusi minat (Syaza et al., 2014). Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan para pelajar tidak atau kurang berminat mengikuti pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam iaitu pengaruh ibu bapa, pengaruh guru dan kurikulum pendidikan (Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim, 2012). Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh mencapai tahap yang tinggi dengan penglibatan dan dorongan ibu bapa, guru dan rakan-rakan.

Pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang dilalui telah berjaya membentuk minat terhadap mata pelajaran bahasa Arab pada tahap yang memberangsangkan (Abdul Hakim et al., 2015). Tiga faktor paling relevan yang menjelaskan minat pelajar ialah pengaruh rakan, tidak memahami pelajaran dan isi pelajaran yang dianggap rumit serta sukar difahami. Kajian berkaitan persepsi pelajar tafhib terhadap modul pembelajaran bahasa Arab di Darul Quran JAKIM dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dijalankan oleh Ku Fatahiyah et al., (2017). Modul tersebut membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis. Modul ini merupakan modul yang memfokuskan kepada kemahiran berbahasa. Namun, matlamat dan keberkesanannya dari aspek penguasaan pelajar dalam memahami ayat al-Quran tidak dapat dicapai. Seharusnya, para pembina modul bahasa Arab khususnya untuk pelajar tafhib perlu memberi penekanan aspek nahu, sorf, balaghah, ilmu al-Quran dan gaya bahasa di dalam al-Quran.

Kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran agama tidak boleh dipandang remeh. Kelemahan ini mampu memberikan kesan negatif yang besar dalam masyarakat Islam di Malaysia kerana bakal ketandusan pakar-pakar bahasa yang mampu memahami al-Quran dan hadis (Abdul Hakim *et al.*, 2015). Bagi pelajar pengkhususan bahasa Arab, tatabahasa Arab merupakan aspek penting yang perlu dikuasai. Pengetahuan nahu Arab tidak dapat diketepikan dan diabaikan. Pelajar tahfiz juga tidak terkecuali dalam memahami dan menguasainya. Hal ini kerana ia memberikan kefahaman yang sebenar terhadap sesuatu ayat menerusi susunan perkataan yang terdapat di dalam ayat al-Quran. Begitu juga dalam mengistinbatkan sesuatu hukum, seseorang itu seharusnya mahir dalam ilmu nahu Arab. Zahriah Husin *et al.*, (2016) melaksanakan kajian berkaitan persepsi pelajar tahfiz terhadap kepentingan pengetahuan nahu Arab dalam menghafal al-Quran. Sejumlah 70.6% responden menghafal 30 juzuk al-Quran dan majoriti daripada mereka iaitu 89% mendapat prestasi cemerlang dalam peperiksaan bahasa Arab SPM. Keputusan cemerlang ini menunjukkan mereka mampu memahami dan menguasai tatabahasa Arab. Hal ini membuktikan mereka mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kepentingan nahu sebagai faktor motivasi, manakala kepentingan nahu sebagai strategi hafalan berada pada sederhana tinggi. Oleh itu, strategi hafalan al-Quran menjadikan nahu bahasa Arab sebagai faktor penting dalam pembelajaran hafalan al-Quran serta menjadi motivasi kepada pelajar tahfiz adalah strategi yang boleh diperlakukan dan ditambahbaik.

Perkembangan pendidikan tahfiz seiring dengan perkembangan pembelajaran bahasa Arab. Ia berkembang pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat (Azmil Hashim & Misnan Jemali 2015). Pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah, kaedah dan teknik pengajaran tahfiz, ciri-ciri guru yang mengajar subjek hafalan serta ketiadaan model yang jelas dan ketiadaan guru yang berwibawa merupakan isu-isu yang berlaku dalam pendidikan tahfiz (Mardhiah *et al.*, 2018). Kebanyakan institusi tahfiz bergerak dengan menggunakan kurikulum sendiri tanpa modul pengajaran yang standard (Azmil 2010). MRSM Ulul Albab mempunyai 40% Guru yang bukan dalam pengkhususan tahfiz bertugas sebagai guru hafalan. Namun hanya 20 daripada 62 orang guru tersebut mempunyai latihan dalam bidang tahfiz (Mardhiah 2017). Anggapan masyarakat bahawa guru pendidikan Islam boleh menjadi guru tahfiz yang baik adalah tidak tepat. Profesor Datuk Dr. Zakaria Stapa menerusi pembentangan Wacana Cendekiawan Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di UKM pada 8 Januari 2018 menyatakan bahawa masyarakat tidak boleh menganggap guru terlatih di dalam bidang pendidikan Islam boleh menjadi guru tahfiz yang baik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tahfiz kerana proses pengajaran tahfiz memerlukan pengkhususan yang berbeza.

Ku Fatahiyah *et al.*, (2019) memfokuskan kepada persepsi pelajar Tahfiz wa al-Qiraat serta tahap proses pembelajaran bahasa Arab. Persepsi pelajar adalah sederhana manakala tahap proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Pendekatan pengajaran dengan mengaitkan ayat-ayat al-Quran dalam pengajaran bahasa Arab perlu diberi penekanan untuk

meningkatkan persepsi, minat, kefahaman dan penguasaan pelajar tafhiz dalam bahasa Arab,

Amalan pembelajaran pelajar tafhiz pasti berbeza dengan pelajar aliran lain. Farah Ilyani *et al.*, (2018) menjalankan kajian berkaitan amalan pembelajaran tafhiz swasta. Amalan pembelajaran yang dimaksudkan ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan dalam menghafal al-Quran. Selain gabungan pembelajaran bersama guru dan rakan sebaya, pelajar juga mengamalkan amalan pembelajaran kendiri. Tiga aspek penting dalam menghafal al-Quran diperaktikkan oleh pelajar iaitu *tilawah*, membaca al-Quran secara tartil, *hifz* iaitu menghafal dan *darrasi* iaitu kebolehan menulis keseluruhan al-Quran secara sempurna tanpa kesilapan, namun masih belum mencapai tahap optimum. Institusi tafhiz khususnya perlu menggiatkan dan menganjurkan program yang memperkenalkan amalan, teknik atau strategi yang lebih efektif untuk digunakan oleh pelajar. Apabila pelajar dapat mengenal pasti teknik atau strategi yang bersesuaian dengan mereka, ia boleh diperaktikkan ke dalam subjek yang lain khususnya bahasa Arab.

Strategi dan gaya pembelajaran juga memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran. Kekurangan dalam strategi dan gaya pembelajaran tafhiz mengakibatkan kelemahan dalam pencapaian hafalan. Selain itu, pendekatan guru menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tafhiz (Mohd Marzuki, 2008; Azmil Hashim, 2010). Permasalahan ini tidak hanya terbatas kepada aliran tafhiz semata-mata malah dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal ini membuktikan pembaharuan dan inovasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran amat penting diketengahkan oleh pengajar agar selari dengan perkembangan pendidikan yang memasuki revolusi industri 5.0.

Azmil Hashim dan Misnan Jemali (2015) menjalankan kajian berkaitan hubungan antara teknik pembelajaran tafhiz dan pencapaian hafalan al-Quran. Teknik melakukan *takrar* hafalan secara berirama, teknik bacaan secara *tadwir*, penumpuan kepada ayat *mutasyabihat*, teknik gambaran ayat dan teknik dengan lima ayat kurang diperaktikkan pelajar. Bagaimanapun pelajar lebih cenderung menggunakan teknik *takrar tasalsuli* berbanding dengan *takrar jami’y* dan *takrar taqsim* dalam pembelajaran tafhiz. Hubungan yang kukuh antara teknik pembelajaran tafhiz dengan pencapaian hafalan pelajar menunjukkan bahawa teknik pembelajaran tafhiz perlu diberi penekanan. Hal ini kerana teknik pembelajaran mampu memberikan hubungan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar termasuklah bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran. Perkaitan hubungan antara teknik, gaya dan strategi pembelajaran amat memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Teknik dan strategi yang tepat dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang tinggi sama ada dalam hafalan mahupun penguasaan bahasa Arab.

Kaedah pembelajaran tafhiz iaitu kaedah *takrar*, *tasmi’*, *talaqqi* dan *musyafahah*, amalan mendengar bacaan contoh daripada pensyarah, *tadarus* dan penulisan merupakan antara kaedah yang diaplikasikan oleh pelajar. Kajian berkaitan persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tafhiz al-Quran

dilaksanakan Azmil Hahim dan Ab. Halim Tamuri (2012). Pelajar merasakan bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang dilakukan pengajar masih tidak mencukupi. Kurangnya penekanan daripada pengajar terhadap makna kalimah dan maksud ayat menatijahkan pelajar kurang berusaha dalam mencari makna dan maksud ayat dan akhirnya menyebabkan kefahaman terhadap sesuatu ayat tidak dapat dicapai. Kaedah kefahaman amat penting bagi pelajar kerana ia dapat membantu dalam mengukuhkan hafalan dan menghadirkan kehusukan dalam menghafal al-Quran. Jika dilihat dari sudut teknik atau kaedah pembelajaran pelajar tahfiz, ia tidak jauh berbeza dengan kaedah pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana, dalam pembelajaran bahasa Arab, pelajar di ajar empat kemahiran bahasa yang melibatkan teknik pengulangan, mendengar, penulisan dan pembacaan. Oleh itu, pembelajaran bahasa Arab dan pembelajaran tahfiz tidak jauh berbeza malah ia adalah dari bahasa yang sama iaitu bahasa Arab dan al-Quran.

## PEMASALAHAN KAJIAN

Bahasa Arab dan al-Quran mempunyai perkaitan yang kuat dan sememangnya tidak dapat dinafikan. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dan uslub-uslub yang terdapat di dalamnya tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pakar bahasa. Pemahaman dan penguasaan bahasa Arab amat penting untuk dititik beratkan agar dapat memahami al-Quran yang dibaca dan dihafal. Pelajar tahfiz merupakan pelajar yang paling dekat dengan al-Quran kerana sering mengulangi bacaan dan hafalan ayat al-Quran. Sesi *ta'lim* mengetengahkan subjek agama, namun ia bukan penumpuan utama. Kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafal, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu (*tarannum*). Namun aspek kefahaman makna dan tatabahasa Arab tidak dititik beratkan dalam pembelajaran tahfiz. Aspek kefahaman ini sudah tentu berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab dan kefahaman al-Quran (Mahyuddin Ashaari, 2001). Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat golongan huffaz yang tidak menguasai bahasa Arab kerana mereka hanya menumpukan kepada hafalan al-Quran semata-mata.

Institusi tahfiz di Malaysia telah banyak ditubuhkan dan semakin berkembang pesat. Kerajaan negeri turut mewujudkan sekolah dan program tahfiz seperti Maahad Tahfiz Sains di Kelantan, Sekolah Imtiaz di Terengganu dan Melaka dan juga Maktab Rendah Sains Mara yang mewujudkan program Tahfiz Ulul Albab. Syarat bahasa Arab sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari tidak diimplementasi oleh sebilangan institusi tahfiz. Hakikatnya, kefahaman terhadap al-Quran memerlukan ilmu bahasa Arab (Ahmed, 2008; al-Jaburi, 2010). Terdapat sebilangan kecil institusi pendidikan tahfiz yang menggabungkan subjek bahasa Arab dengan tahfiz al-Quran sebagai satu kurikulum seperti Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri. Penggabungan ini menunjukkan pihak pengurusan menyedari terdapat perkaitan dan hubungan erat antara penguasaan bahasa Arab dengan pembelajaran al-Quran.

Kebergantungan pelajar terhadap guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di semua peringkat pengajaran termasuklah aliran tahfiz. .

Usaha mereka dalam mencari kalimah dan maksud ayat amat kurang diperaktikkan. Pelajar tafhib mempunyai kelebihan tersendiri berbanding pelajar aliran agama yang lain kerana pelajar ini merupakan individu yang hampir dengan al-Quran dan sentiasa mengulangi hafalan ayat al-Quran dan terbiasa dengan sebutan bahasa Arab. Pelajar tafhib sewajarnya mengetahui setiap makna dan maksud ayat al-Quran yang dihafal. Dalam mencapai tahap kefahaman ini, pelajar harus mempelajari bahasa Arab terutamanya ilmu nahu, sorf dan balaghah.

Persepsi atau tanggapan terhadap bahasa Arab begitu penting diketahui agar pengajar boleh mengatur strategi dan teknik yang boleh menarik dan menambah minat pelajar. Sekiranya persepsi pelajar negatif, pihak pengajar harus mencari inisiatif dan kaedah penyelesaian bagi mengubah persepsi tersebut. Begitu juga pelajar TB yang mempunyai persepsi dan tanggapan tersendiri terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Kajian terhadap pembelajaran bahasa Arab amat besar ruang lingkupnya termasuklah berkaitan sikap, motivasi, strategi, gaya pembelajaran, minat, persepsi, pencapaian, penguasaan dan sebagainya. Namun ia lebih tertumpu kepada pelajar di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi. Kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab khususnya terhadap golongan tafhib adalah kurang dijalankan (Ku Fatahiyah *et al.*, 2019). Aspek yang seringkali menjadi tumpuan dalam kajian pengajaran dan pembelajaran tafhib adalah hafalan, qiraat, kaedah pembelajaran pelajar tafhib, pencapaian hafalan dan seumpamanya. Justeru, dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab pelajar tafhib, persepsi dan minat merupakan antara fokus penting untuk disingkap dan diketengahkan agar bahasa Arab menjadi satu bidang dan mata pelajaran yang penting dalam kurikulum tafhib.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap minat pelajar Tahfiz Bestari terhadap pembelajaran bahasa Arab.
2. Mengenal pasti hubungan antara persepsi setelah mempelajari bahasa Arab dengan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.
3. Menghuraikan pengaruh persepsi setelah mempelajari bahasa Arab terhadap minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan. Reka bentuk ini lebih menjadi pilihan dan data boleh dikumpul dengan sempurna (Creswell, 2013). Instrumen soal selidik digunakan sebagai teknik untuk mendapatkan data. Soal selidik menjadi pilihan kerana ia dapat mengumpulkan data dengan lebih cepat dan mendapat gambaran yang luas terhadap objektif kajian. Responden juga tidak teragak-agak atau risau untuk memberikan maklum balas kerana ia tidak bersemuka dan maklumat responden dirahsiakan. Menurut

Louis *et al.*, (2003), soal selidik merupakan instrumen yang sesuai dan berkesan digunakan dalam kajian tinjauan. Ia juga merupakan satu instrumen yang bersifat logik, saintifik dan khusus (Bailey 1992). Soal selidik skala Likert lima mata digunakan sebagai penilaian item-item dalam instrumen kajian. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu demografi, persepsi sebelum mempelajari bahasa Arab, persepsi setelah mempelajari bahasa Arab dan minat dalam mempelajari bahasa Arab. Menurut Levin dan Fox (2007), skala Likert lebih sesuai kerana mirip soalan objektif dan mesra pengguna untuk responden menandakan item pilihan. Data kajian lepas berkaitan persepsi dan minat dikumpulkan. Data-data ini membantu untuk mengukuhkan lagi hasil dapatan tinjauan (Nur Afifah, 2016).

Populasi responden bagi kajian ini bersifat homogen yang hanya memerlukan sampel yang kecil dan sudah cukup memberi gambaran kuantitatif dan menyeluruh bagi populasi (Rohana 2003). Kaedah pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel bertujuan adalah mendapatkan individu dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik dan pengkaji menentukan responden yang sesuai dengan tujuan kajiannya (Othman 2013; Syed Arabi 2002; Bailey 1984). Lazimnya individu yang dipilih akan meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik (Sabitha 2005). Kajian ini melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari Kolej Universiti Islam Melaka yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran bahasa Arab tahun 2021. Kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar TB kerana program ini merupakan satu-satunya program persediaan SPM yang hanya mengambil masa selama sepuluh bulan sahaja. Ia tidak sama seperti program-program tahniz lain yang ada di Malaysia. Para pelajar akan menduduki kursus persediaan SPM untuk tujuh subjek selama sepuluh bulan di samping perlu menghabiskan 30 juzuk hafalan al-Quran. Analisis korelasi dan analisis regresi berganda digunakan dalam mendapatkan hasil kajian bertujuan mencapai objektif yang ditetapkan.

Kajian ini melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang terdiri daripada 51 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Kesemua 80 orang responden berbangsa Melayu manakala hanya seorang sahaja yang berbangsa lain. Manakala, dari aspek umur pula menunjukkan bahawa responden berumur 17 tahun adalah 24.7 peratus. Manakala bagi responden berumur 18 tahun dan ke atas pula sebanyak ialah 75.3 peratus. Majoriti responden adalah berumur 18 tahun dan ke atas.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Minat merupakan satu aspek yang penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan 33 orang responden atau 40.7 peratus berpendapat bahawa tahap minat mereka terhadap bahasa Arab adalah tinggi, manakala 53.1 peratus atau 43 orang responden merasakan mereka mempunyai tahap minat yang sederhana. Hanya lima orang responden sahaja merasakan tahap minat yang rendah. Minat diukur menggunakan lima pilihan skala jawapan daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Hasil kajian

mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap sederhana ( $M=3.50$ ,  $SP=0.618$ ). Jadual 1 memaparkan taburan responden mengikut tahap minat.

**Jadual 1:** Taburan responden mengikut tahap minat

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
<b>Minat</b>			3.50	0.618
Rendah (1.00 – 2.33)	5	6.2		
Sederhana (2.34 – 3.67)	43	53.1		
Tinggi (3.68 – 5.00)	33	40.7		
Jumlah	81	100.0		

Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menentukan hubungan di antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab. Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas berada dalam kekuatan hubungan yang kuat (Albert dan Davis 1971; Cohen 1988; Alias Baba 1992). Hubungan antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan hubungan yang signifikan positif ( $r = 0.673$ ,  $p < 0.01$ ). Perkaitan antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat (Albert dan Davis 1971; Cohen 1988; Alias Baba 1992). Kedua-dua pemboleh ubah persepsi dan minat menunjukkan korelasi positif iaitu lebih baik persepsi mereka setelah mempelajari bahasa Arab, maka lebih tinggi minat mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Rujuk Jadual 2.

**Jadual 2:** Korelasi Pemboleh Ubah Persepsi Dengan Minat Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Pemboleh ubah	<i>r</i>	<i>p</i>
Persepsi	0.673**	0.000

Analisis regresi berganda digunakan untuk menguji pengaruh persepsi setelah mempelajari bahasa Arab terhadap minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Analisis regresi merupakan kaedah yang digunakan untuk mengkaji hubungan berdasarkan persamaan linear bukan sahaja antara satu pemboleh ubah dengan satu pemboleh ubah lain tetapi juga antara dua pemboleh ubah dengan beberapa pemboleh ubah (Hair *et al.*, 2010). Analisis regresi berganda boleh digunakan bagi meneroka hubungan linear antara beberapa variable peramal dengan satu variable kriteria pada skala interval atau ratio (Othman 2013). Jadual 3 menunjukkan analisis regresi berganda bagi persepsi setelah mempelajari bahasa Arab dengan minat.

**Jadual 3:** Analisis regresi berganda

Pemboleh ubah bersandar	Pemboleh ubah bebas	$\beta$	BETA	t	Sig.
Minat Bahasa Arab (Y)	Konstan	.317		.801	.425
	Persepsi Setelah (X <sub>1</sub> )	.815	.673	8.092	.000
R <sup>2</sup>	.453				
F	65.483				
Sig F	0.000				

Hasil dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan 45.3% ( $R^2 = 0.453$ ) faktor persepsi mempengaruhi minat terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dapatkan juga menunjukkan bahawa F-statistik ( $F = 65.483$ ) sangat besar dan nilai p yang signifikan (0.000) atau lebih kecil daripada nilai alpha 0.01. Oleh itu, cerun garis regresi linear model ini dianggarkan tidak sama dengan sifar mengesahkan bahawa data kajian sesuai dengan satu model ramalan regresi linear yang dinyatakan dalam kajian ini.

Merujuk kepada analisis regresi, minat terhadap pembelajaran bahasa Arab (Y) dipengaruhi pemboleh ubah faktor persepsi setelah mempelajari bahasa Arab (X<sub>1</sub>). Hubungan antara minat terhadap bahasa Arab (Y) dipengaruhi oleh faktor persepsi (X<sub>1</sub>) dapat dijelaskan menggunakan analisis regresi yang dinyatakan melalui persamaan linear seperti berikut:

$$Y = 0.317 + 0.815 (X_1)$$

Jika satu unit persepsi (X<sub>1</sub>) meningkat, maka tahap minat terhadap bahasa Arab juga turut meningkat sebanyak 0.815. Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa persepsi mempunyai pengaruh yang besar dalam meningkatkan minat seseorang. Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi (Abu Bakar 1994). Justeru, persepsi yang positif dan minat perlu ditanam dalam diri pelajar dari awal sesi pengajaran dan pembelajaran.

## KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab semakin berkembang pesat dan meluas di Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran madrasah tahfiz pada zaman sekarang tidak hanya terbatas kepada aspek-aspek berkaitan hafalan dan pembelajaran kitab turath semata-mata. Kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam aliran tahfiz semakin disedari oleh pengasas-pengasas sekolah tahfiz. Penggabungan subjek bahasa Arab dengan tahfiz al-Quran sebagai satu kurikulum seperti yang dilakukan oleh Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri menunjukkan pihak pengurusan menyedari terdapat perkaitan dan hubungan erat antara penguasaan bahasa Arab dengan pembelajaran al-Quran. Oleh itu, untuk melancarkan dan mencapai keberkesanan

dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, persepsi dan minat pelajar perlu dikenal pasti. Hal ini kerana, setiap pelajar pasti mempunyai persepsi tersendiri terhadap bahasa Arab walaupun mereka menghafal al-Quran setiap hari. Persepsi yang baik dan positif boleh mewujudkan minat terhadap sesuatu perkara. Minat yang tinggi dapat mendorong para pelajar untuk terus mencuba dan menguasai sesuatu perkara itu. Justeru, para guru seharusnya mengenal pasti dahulu persepsi dan tahap minat pelajar sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong. 2016. Minat dan Sikap Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia Terhadap Bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar*, 1:1. Hlm. 21-37
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman dan Wan Ismail Wan Abdullah. 2015. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1): 82-97.
- Abu Bakar Nordin. 1994. Reformasi pendidikan dalam menghadapi cabaran 2020. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Azman Che Mat. 2013. Sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di IPTA. *Academia Journal UITM*, 2 (2): 61-68.
- Azmil Hashim (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum tafsir al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma’ahad Tafsir al-Quran Negeri. Bangi: Selangor.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh dan Khadijah Abd Razak. 2018. Amalan pembelajaran pelajar tafsir di intitusi tafsir swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, SI 1(1): 141-148.
- Azmil Hashim dan Misnan Jemali. 2015. Kajian mengenai hubungan antara teknik pembelajaran tafsir dan pencapaian hafalan al-quran para pelajar. *Jurnal Perspektif*, Jil.6. Bil 2: 15-25.
- Azmil Hahim dan Ab. Halim Tamuri. 2012. Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tafsir al-quran di malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2): 1-10.
- Bailey, K.D. 1984. Kaedah Penyelidikan Sosial. Terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J.W. 2013. *Research Design. Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Los Angeles: SAGE Publications, Ltd
- Davis, J.A. (1997). Elementary Survey Analysis. Englewood, N.J: Prentice—Hall.
- Gardner R.C. 1983. Learning another language: a true social psychological experiment. *Journal of Language and Social Psychology*, (2): 219-239.
- <http://www.kuim.edu.my/pusatislam/index.php/ketua-pusat-islam-as-syafie-kuim/19-program-tafsir-bestari-persediaan-spm>. Diakses pada 18 November 2020.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Zamri Mahamod. 2010. Hubungan antara tahap motivasi dengan

- strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*, (52): 57-67.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin Farah Nur-Rashida Rosnan dan Wazzainab Ismail. 2019. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz wal qiraat. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 16, no. 2: 1-15.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Farah Nur-Rashida Rosnan, Wazzainab Ismail dan Hanis Najwa Shaharuddin. 2017. Persepsi pelajar tahfiz terhadap tahap modul bahasa Arab di Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 4, bil 2: 127-134.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin, Wazzainab Ismail, Farah Nur-Rashida Rosnan dan Norafidah Gordani. 2017. Persepsi Pelajar Tahfidz Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Levin, J. and Fox, J.A. 2007. *Elementary Statistics in Social Science Research*, (2<sup>nd</sup> Edition) New York: Allyn and Bacon
- Mahyuddin Ashaari. Pendidikan al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 9, Bil. 4, November 2001/1422.
- Mardhiah Yahaya. 2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA. Tesis Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed dan Aslam Farah Selamat. 2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Hlm.141-148.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafalan al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz al-Quran Zon Tengah. Kertas projek sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin dan Muhammad Sabri Sahrir. 2017. Persepsi pelajar bukan muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islamiyyat* 39 (1): 29-37.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman dan Zamri Arifin. 2014. Hubungan antara kecenderungan minat pelajar dalam bahasa Arab dengan kualiti diri guru bahasa Arab MRSM Ulul Albab Kota Putra. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab.
- Muhammad Atan. 2003. Sikap, Minat, Pengaruh Rakan Sebaya dan Pengajaran Guru Pelajar Bahasa sebagai Satu Cara Mengatasi Masalah Kepelbagai Pelajar Dalam Kelas Bahasa. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2000.
- Nasywa Muhammad Ariff Bakhtiar dan Norasyikin Osman. 2019. Persepsi pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Trends In Social Sciences*. Vol 1 (2): 43-52.
- Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit dan Muhammad Suhaimi Taat. 2017. Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPIB UMS. *Jurnal Ulwan*. Jilid 1: 125-142.

- Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha’ari dan Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2013. Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Teknologi*. 63:1: 25-29.
- Noor Erma binti Abu & Leong Kwan Eu. 2014. Hubungan antara sikap, minat pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Januari 2014. Bil. 2 Isu. 1.
- Noor Hisham Md Nawi. 2014. Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education. Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.
- Nuraznan Jaafar. 2019. *Hubungan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka*. Jurnal Kesidang. Volume 4. Hlm:53-62.
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan Jaafar, Roslida Saat dan Ahmad Syukri Musa. 2018. Sikap dan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Projek Penyelidikan Kolej Universiti Islam Melaka.
- Othman Talib. 2013. Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Oxford, R.L. & Nyikos, M. 1989. Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *Modern Language Journal*, 73(3): 291-300.
- Rohana Yusof. 2003. Penyelidikan Sains Sosial. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican. 2005. Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Solahuddin Ismail. 2016. Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz Sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran. Kuala Lumpur.
- Syaza Mohd Sabri, Sharini Che Ishak dan Asmawati Suhid. *Kajian Minat dan Motivasi Murid Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan 2014.
- Syed Arabi Idid. 2002. Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahriah Husin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimaming dan Normaliza Abd Rahim. Kepentingan nahu Arab dalam menghafal al-Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol 16, No. 2: 95-110.
- Zainora Daud dan Muhammad Lukman Ibrahim. 2019. Kajian persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran qiraat di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 3. December.
- Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim (2012). *Factors Affecting Students Interest in Learning Islamic Education*. Journal of Education and Practice. Vol 3:No 13.
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif dan Zulazhan Ab Halim. 2014. Attitudes of distance learning

students at UKM Faculty of Islamic Studies towards learning Arabic language skill courses. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 15 (1): 174-178.

Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.